



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN
SUNGAI PERAI NATURE WALK

TARIKH / MASA / TEMPAT

29 JULAI 2018 (AHAD)
7.30 PAGI

MEDAN SELERA SRI TAMBANG MEE UDANG
JALAN SUNGAI DUA
BUTTERWORTH

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin

Ahli Dewan Undangan Negeri Penanti

Yang Berhormat Muhammad Faiz Bin Fadzil

Ahli Dewan Undangan Negeri Permatang Pasir

Yang Berhormat Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor

Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Dua

Yang Berhormat Satees a/l Muniandy

Ahli Dewan Undangan Negeri Bagan Dalam

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmud

Setiausaha Perbandaran MPSP

Yang Berusaha Encik Mohd Nasyarul Bin Ahmad Rizan

Jurutera Daerah

Jabatan Pengairan Dan Saliran Seberang Perai Tengah

Penolong Kanan Penguasa Bomba (PKPgB) Mohd Khalil Bin Abdul Rahim

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Butterworth

Penolong Kanan Penguasa Bomba (PKPgB) Hadzi Bin Mohamed Yusuff

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Perda

Penolong Kanan Penguasa Bomba (PKPgB) Mohd Fauzi Bin Suid @ Shuaib

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Mertajam

Yang Berusaha Encik Murali Ram

Pengarah Program Think City

Yang Berusaha Encik Zaini Bin Zainul

Pengarah Urusan Zart Eventive Enterprise

Encik Sabudin Bin Darus

Pengerusi JKKK Pengkalan Tambang

Encik Mohd Nazrolnizam Bin Zakaria

Pengerusi JKKK Guar Perahu Mukim 21

Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Kakitangan-Kakitangan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Para Penduduk Pengkalan Tambang dan Taman Desa Desa

Rakan - Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama pada hari ini dalam Program Sungai Perai *Nature Walk* dianjurkan bersama oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Think City Sdn. Bhd., Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan dengan kerjasama Zart Eventive Enterprise. Program ini merupakan pengisian di bawah Program Butterworth Baharu.

Saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Think City Sdn. Bhd., Jabatan Pengairan dan

Saliran dan Zart Eventive Enterprise yang telah bersama-sama MPSP berusaha untuk menjayakan majlis pada pagi ini. Tidak lupa juga kepada semua yang hadir ke majlis pada pagi ini.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Sungai Perai Nature Walk adalah program kedua yang diadakan selepas kejayaan menganjurkan Perayaan Sungai Perai @ Taman Kimsar pada 31 Mac 2018 di Taman Kimsar, Perai. Perayaan Sungai Perai @ Taman Kimsar adalah satu program yang pertama kali dianjurkan di bawah Program Butterworth Baharu bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang peranan sungai dan meraikan sungai-sungai di Seberang Perai, terutamanya Sungai Perai ini.

MPSP dan Think City Sdn. Bhd. telah mewujudkan kerjasama dalam pembangunan Pelan Tindakan Sungai Perai di bawah Program Butterworth Baharu selaras dengan Pelan Strategik MPSP 2018-2022 untuk melaksanakan pelbagai program dan pembangunan semula Sungai Perai sebagai tarikan kepada penduduk dan pengunjung. Tarikan sedia ada di sepanjang Sungai Perai adalah aktiviti memancing ikan, Restoran Nelayan di kawasan Ujong Batu, Taman Rekreasi Ampang Jajar dan taman-taman rekreasi di kawasan-kawasan perumahan di sepanjang Sungai Perai. Di samping itu, dari segi warisan, Kilang Gula Prai yang merupakan kilang gula

terbesar di Malaysia telah dibina di kawasan strategik di kawasan Kuala Sungai Perai. Kilang ini memiliki jeti tersendiri yang memudahkan pemunggahan gula kasar daripada kapal-kapal untuk disimpan bagi penapisan. Kapasiti pengeluaran gula bertapis tahunan adalah sebanyak 960,000 tan.

Di bawah *Program Rehabilitation Study of Sungai Perai*, Perunding Pinang daripada Universiti Sains Malaysia (USM) telah dilantik untuk menjalankan beberapa kajian di kawasan Sungai Perai. Hasil kajian menunjukkan Sungai Perai adalah salah satu *landmark* yang amat berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan pelancongan dan tarikan baru di Seberang Perai.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Sungai Perai atau *Sungai Prai* adalah sungai terpanjang di Pulau Pinang dengan jarak melebihi 20 kilometer dengan kawasan tadahan air terbesar di Pulau Pinang yang meliputi kawasan seluas 505 km². Air sungai ini mengalir ke barat iaitu ke Selat Selatan (*South Channel*) di *Penang Strait* bermula dari Daerah Kulim di Kedah. Ianya merupakan sempadan daerah semulajadi yang memisahkan Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah.

Sungai Perai dilihat sebagai sebuah lokasi yang berpotensi untuk dijadikan destinasi eko-pelancongan. Kawasan sungai ini adalah kawasan paya gambut yang menyimpan pelbagai khazanah kepelbagaian hidupan flora dan fauna. Terdapat 41 spesis pokok yang dikenalpasti tumbuh di kawasan Sungai Perai. Antaranya pokok bakau minyak, selasih dendi, ketapang, paku rawan, tapak kuda, merbau, butang baju, ambong-ambong dan banyak lagi.

Ianya juga menjadi habitat pelbagai jenis hidupan air dan daratan termasuk ikan, ketam, udang galah, kerang, siput, rama-rama, burung, ular, katak, biawak, buaya, memerang, tupai dan monyet. Terdapat 37 spesis burung di kawasan Sungai Perai seperti *Japanese sparrowhawk*, *collared kingfisher*, *plaintive cuckoo*, *chestnut headed bee-eater* dan banyak lagi.

Tanggungjawab untuk memelihara dan menjaga sungai tidak hanya terletak di atas bahu Jabatan Pengairan dan Saliran sahaja atau organisasi tertentu sahaja, malah setiap individu dan masyarakat setempat perlu memainkan peranan dalam menjaga dan memelihara sungai agar bebas dari sampah dan bahan tercemar.

Antara sebab-sebab mengapa sungai perlu dipelihara dan dipulihkan adalah:-

- i. Sungai adalah sumber air yang penting bagi kampong dan bandar. Oleh itu, Sungai Perai boleh menjadi sumber air yang berpotensi untuk Pulau Pinang. Air sungai perlu dirawat terlebih dahulu sebelum dialirkan ke rumah-rumah untuk kegunaan harian. Walau bagaimanapun, jika sungai-sungai kita masih tercemar, air tidak dapat dirawat dengan sempurna dan tidak sesuai untuk kegunaan manusia.
- ii. Dengan isu pembalakan berterusan di Ulu Muda dan pencemaran Sungai Muda yang seterusnya, masa depan keselamatan air Pulau Pinang amat berisiko.
- iii. Sungai memberi habitat kepada pelbagai spesis haiwan dan tumbuhan. Setiap spesis memainkan peranan penting dalam mengimbangi ekosistem. Sekiranya mana-mana spesis dalam satu-satu ekosistem terjejas, ia akan mengakibatkan keruntuhan ekosistem yang akan menjejaskan persekitaran semula jadi dan kita, kerana kita adalah sebahagian daripada persekitaran.

Sekiranya sungai adalah bersih, masyarakat dapat memberi manfaat baik dari segi sosial dan ekonomi kerana sungai yang bersih dan sihat

meningkatkan kualiti hidup. Pelbagai aktiviti menarik dapat dijalankan seperti jogging dan laluan berbasikal di sepanjang sungai.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Penganjuran Pogram Sungai Perai *Nature Walk* adalah untuk mempromosikan gaya hidup sihat dan memberi pendidikan serta kesedaran terhadap masyarakat kepentingan menjaga kebersihan sungai dan memelihara alam semulajadi. Program ini juga merupakan salah satu *platform* dalam mengenengahkan aktiviti eko-pelancongan di Seberang Perai yang mana Sungai Perai adalah salah satu *landmark* yang amat berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan pelancongan dan tarikan baru di Seberang Perai.

Sungai Perai *Nature Walk* adalah program berjalan santai sejauh 6.6km menyusuri tebing Sungai Perai sambil menikmati keindahan alam semulajadi. Seramai 400 orang peserta akan dibawa melalui kawasan penternakan lembu, sawah padi dan akan berhenti di Jeti Nelayan Kampung Terus, Penanti, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah sebelum berpatah balik ke Medan Selera Sri Tambang Mee Udang, Jalan Sungai Dua, Seberang Perai Utara.

Jeti Nelayan dan Balai Lintang yang dibangunkan berhampiran Sungai Terus adalah antara tarikan baharu yang diusahakan oleh Yang

Berhormat Dr. Hajah Norlela Bt Ariffin, ADUN Penanti. Kawasan yang menempatkan perkampungan tradisional Melayu mempunyai keistimewaan alam semula jadi dan landskap menarik yang boleh dimajukan sebagai salah satu tarikan pelancongan di negeri ini khususnya kepada pencinta alam semula jadi.

Kawasan ini boleh dikomersialkan kerana segala-galanya ada di sini untuk pegunjung yang sukakan cabaran, cintakan alam semula jadi selain mencari hasil sungai yang segar. Disebabkan sungai di sini bebas daripada pencemaran, semua hasil sungai dan ikan di sini segar malah terdapat banyak gerai di sekitar kawasan sungai di sini yang menyediakan pelbagai hidangan daripada hasil sungai di sini seperati di Medan Selera Sri Tambang Mee Udang ini.

Perjalanan atau pengembaraan Sungai Perai *Nature Walk* ini akan dimulakan di Medan Selera Sri Tambang Mee Udang sehingga ke Jeti Nelayan Kampung Terus, Penanti sepanjang 3.3 km. Peserta akan dipersembahkan dengan kebudayaan dan kesenian Melayu serta pelbagai alatan tradisional untuk menumbuk padi dan menangkap ikan.

Para peserta yang berjaya menamatkan perjalanan sepanjang 6.6 km akan diberikan sepokok kaktus mini. Cenderahati ini berbeza dari program lain yang membekalkan medal kepada peserta. Pokok kaktus ini adalah

satu simbolik atau tanda perasaan menyayangi dan menghargai alam semulajadi.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Program Sungai Perai Nature Walk ini diharap dapat mewujudkan kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya memelihara dan memulihara sungai serta flora dan fauna supaya generasi akan datang dapat turut menikmati keindahan alam semulajadi yang ada di Seberang Perai. Program ini juga dapat merealisasikan moto Negeri Pulau Pinang dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai "Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang". MPSP mengambil kesempatan ini menyeru warga Seberang Perai supaya memelihara sungai-sungai serta sistem saliran di Seberang Perai dari sebarang bentuk pencerobohan dan pencemaran. Sayangi dan hargailah sumber air yang kita ada kerana sumber ini merupakan keperluan utama bagi kita meneruskan aktiviti harian kita.

Sebelum saya mengakhiri kata-kata saya, terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertungkus lumus bagi menjayakan program Sungai Perai Nature Walk yang dianjurkan bersama-sama dengan Think City Sdn. Bhd. dan Zart Eventive Enterprise dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran Seberang Perai Tengah.

Sekali lagi saya menyeru para hadirin sekalian untuk mencintai sungai dan terus memberi komitmen terhadap usaha memelihara dan menjaga sungai. Diharapkan dengan program seperti ini dapat merealisasikan motto Negeri Pulau Pinang dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai "*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*" sejajar dengan *tagline* MPSP iaitu "**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**" atau "**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**".

Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan Sungai Perai Nature Walk.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.